



EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 12 tengah hari, 15 Januari 2024.

Untuk Terbitan Media

15 Januari 2024

SIARAN MEDIA

DUA DARI TIGA INDIVIDU HILANG UPAYA BERJAYA PULIH DI PUSAT REHABILITASI PERKESO

ALERT: 15,214 INDIVIDU JALANI RAWATAN PEMULIHAN SEJAK 2014

MELAKA: Secara purata dua daripada tiga individu terbencana yang menjalani rawatan rehabilitasi secara holistik di Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak (PRPTAR) milik Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) berjaya pulih.

Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong, memaklumkan, seramai 15,214 individu telah menerima rawatan di pusat rehabilitasi pertama di Malaysia dan di Asia Tenggara yang mengintegrasikan rehabilitasi perubatan dan latihan vokasional ini sejak dibuka pada Oktober 2014 sehingga kini.

Katanya, ini adalah manifestasi kementerian dalam memperjuang kebajikan pekerja di Malaysia bertepatan dengan tiga indikasi utama KSM merangkumi pengukuhan kebajikan pekerja, peningkatan kemahiran serta keberhasilan pekerja.

Beliau juga menegaskan, rawatan di PRPTAR ini bukan hanya meliputi pencarum PERKESO dari segenap golongan namun bukan pencarum

PERKESO juga layak menjalani rawatan pemulihan disini melalui pemberian sendiri dalam usaha mereka untuk bangkit semula.

Yang turut hadir, Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh; Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Sri Abdul Rahman Hj. Mohamad; Pengurus Lembaga PERKESO, Dato' Sri Subahan Kamal; Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed dan Pengarah Eksekutif PRPTAR, Datuk Dr. Hafez Hussain.

"Saya turut dibawa meninjau operasi Klinik Rehabilitasi Neuro-Robotik dan Cybernics pertama di Asia Tenggara yang mula beroperasi pada November 2018.

"Ia merupakan program baharu yang ditawarkan PERKESO dengan penggunaan teknologi neurorobotik terkini seperti '*Robot Suit HAL*' dan terapi neuromodulasi.

"Terapi neuromodulasi pertama seumpamanya di Malaysia ini adalah rawatan rangsangan kepada otak dan sistem saraf yang berupaya menghasilkan laluan saraf baharu atau memperbaiki laluan saraf yang terjejas akibat kecederaan atau penyakit," katanya kepada pemberita selepas mengadakan kunjungan sulung ke Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak (PRPTAR), di sini, hari ini.

Tamat

###

Mengenai PERKESO

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Ia merangkumi kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip 'Prihatin' dan '*leaves no one behind*'. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 293 MyFutureJob One Stop Center di Malaysia. Layari www.perkeso.gov.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat

15 Januari 2024

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Mohd Wazid Zaidon

+6017-619 3181

wazid.zaidon@perkeso.gov.my